

Media Title : Kosmo
Headline : Peniaga kedai makan rugi RM69,900
Date : 13 December 2025
Section : Negara!
Page : 14



Peniaga kedai makan rugi RM69,900

JEMPOL – Seorang peniaga kedai makan berusia 49 tahun di Bahau, di sini kerugian RM69,900 selepas menjadi mangsa penipuan sindiket yang menyamar pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui panggilan telefon.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Norhisham Mustapar berkata, peniaga itu menerima panggilan pada pukul 9.30 pagi daripada suspek yang memaklumkan nombor telefon mangsa telah disalah guna oleh scammer dan akaun bank pengadu terlibat dalam penipuan serta pengubahan wang haram.

Katanya, suspek mengarahkan mangsa untuk membuat pembayaran ke akaun yang diberikan untuk tujuan siasatan audit.

"Mangsa kemudian membuat 16 transaksi sebelum dia menyedari telah ditipu.

"Setelah dinasihatkan, mangsa membuat panggilan ke Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 untuk tujuan menyekat akaun bank suspek yang terlibat," katanya di sini semalam.

Ujarnya, pegawai penyiasat telah membuat permohonan daripada bank dan permohonan kepada syarikat telekomunikasi berkaitan untuk mendapatkan butiran pemilik akaun bank dan pemilik nombor telefon terlibat.